



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MENTERI KESIHATAN KE AMERIKA SYARIKAT HADIRI *HARVARD*
MINISTERIAL LEADERSHIP PROGRAM DI UNIVERSITI HARVARD**

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, akan menghadiri *Harvard Ministerial Leadership Program* di Universiti Harvard, Amerika Syarikat, dari 12 hingga 15 Jun 2022.

Untuk makluman, YB Menteri Kesihatan telah menerima undangan daripada Universiti Harvard bagi menghadiri program tersebut yang dianjurkan secara bersama oleh *Harvard T.H. Chan School of Public Health*, *Harvard Graduate School of Education* dan *Harvard Kennedy School*.

Program *Harvard Ministerial Leadership* ini juga dianjurkan secara jemputan khas dan YB Khairy Jamaluddin merupakan seorang daripada 12 orang Menteri yang dipilih dari pelbagai negara untuk menyertai program bertaraf global ini. Kesemua 12 orang Menteri yang dipilih juga terlibat di dalam portfolio kesihatan, pendidikan serta pembangunan insan.

Program ini memberi penekanan kepada aspek kepimpinan serta fokus kepada perkongsian interaktif dan praktikal peserta menerusi perbincangan kajian kes dan pengalaman masing-masing dalam pembangunan insan dan juga kemajuan ekonomi.

Jemputan khas kepada YB Menteri Kesihatan untuk menyertai program yang dianjurkan pada setiap tahun ini adalah satu pengiktirafan buat negara, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ia juga merupakan antara platform terbaik untuk mempelajari dan menganalisa pengalaman negara-negara lain yang boleh dijadikan rujukan, di samping peluang untuk Malaysia berkongsi kejayaan serta pengalaman dalam menguruskan pandemik COVID-19.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

10 JUN 2022